

10/08/2001

Tentera sedia bantu tangani KMM

SUBANG, Khamis - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedia membantu polis menangani ancaman Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib berkata, setakat ini tentera tidak terbabit dalam operasi penahanan anggota kumpulan itu, sebaliknya dilakukan polis mengikut bidang kuasa pasukan itu.

"Tetapi kita sentiasa bekerjasama dengan polis dan kini turut memantau kes berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah projek perumahan ATM Lembah Klang di Pangkalan TUDM di sini, hari ini.

Sehingga minggu lalu, polis menahan kira-kira 20 anggota kumpulan itu termasuk ketuanya, Nik Adli yang juga anak Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Kegiatan kumpulan itu yang terbabit dalam pergerakan militan, terbongkar selepas anggotanya ditembak mati dan ditahan dalam cubaan merompak Southern Bank di Petaling Jaya, Mei lalu.

Kumpulan itu mendakwa pembunuhan itu satu jihad dan merompak harta orang bukan Islam juga jihad.

Mengenai kerjasama ketenteraan Filipina-Malaysia sempena lawatan Presiden republik itu, Gloria Macapagal Arroyo, Najib berkata, kedua-dua negara bersetuju meningkatkan hubungan sedia ada.

Antaranya, dalam perbincangan Arroyo dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, persetujuan dicapai bagi meningkatkan penyelarasan pengawalan kawasan sempadan kedua-dua negara.

"Kita setuju untuk bertukar maklumat terkini di kawasan sempadan. Misalnya, kalau ada pergerakan kumpulan Abu Sayyaf yang nak masuk kawasan kita, maka tentera Filipina boleh beritahu dan kita akan kerah anggota untuk mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

(END)